



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Memorandum and Article Of Association Akta Syarikat 1965 (Sekiranya Ada)** serta yang mempunyai pengalaman dalam bidang katering bagi menyertai sebut harga berikut :

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2024/8

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PANEL KATERING DI
PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)
SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

TARIKH IKLAN : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

TARIKH TAKLIMAT : 26 MAC 2024 (SELASA)

MASA TAKLIMAT : 10.00 PAGI

**TEMPAT TAKLIMAT : BILIK AUDITORIUM, ARAS 2 STADIUM NASIONAL,
KUALA LUMPUR SPORTS CITY**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 2 APRIL 2024 (SELASA)

JAM 12.00 TENGAH HARI

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula 21 Mac 2024 (Khamis).
2. Taklimat adalah **DIGALAKKAN**. Penyebut harga dinasihatkan supaya menghadiri taklimat sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah perkhidmatan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan tidak akan dilayan. **Penyebut harga boleh menghubungi pegawai Perbadanan yang dinyatakan di Perkara 11 untuk urusan taklimat.**

3. Dokumen sebut harga boleh diambil bermula pada **21 Mac 2024 (Khamis) di Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur.** Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pengambilan sebut harga.
4. Bagi tujuan pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) sebut harga yang dikeluarkan oleh Perbadanan.
5. Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja.
6. Pemilik / wakil dari syarikat lain tidak dibenarkan untuk mengambil dan menyerahkan dokumen sebut harga bagi syarikat bukan miliknya.
7. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 2 April 2024 (Selasa). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
8. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
9. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
10. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
11. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Nur Syamimi Binti Zain Shamsuddin
(nursyamimi@stadium.gov.my)

03-89920962

Dokumentasi

Yusyahira Azni Bt Che Mohd Azmi
(yusyahira@stadium.gov.my)

03-89920834